

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 25.5.2016**

**SOALAN :**

Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah United Examination Certificate (UEC) akan atau boleh diiktirafkan oleh Kerajaan sebelum PRU-14 seperti gambaran yang dipaparkan oleh Timbalan Pendidikan Menteri Chong Sin Woon. Daripada jawapan daripada Kementerian, perbincangan sedang dilaksanakan. Nyatakan secara terperinci:

- (a) Tarikh perbincangan tersebut;
- (b) Pihak yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah jelas bahawa semua sistem berkaitan pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara kita perlu berlandaskan dasar pendidikan kebangsaan seperti diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur terhadap kehendak yang digariskan menerusi Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti diperuntukkan di bawah akta tersebut.